



Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee merasmikan seminar.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RIF

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (19 MAC) – “Bahasa Melayu masih lagi mempunyai khalayak dan kelompok sasarnya, bahkan tidak akan hilang selagi masih ada penutur dan mereka yang sanggup untuk memperjuangkan bahasa. Peranan bahasa Melayu sebagai wadah untuk menjalin interaksi secara vertikal dan horizontal, sewajarnya tidak hanya di lihat sebagai ungkapan yang bersifat retorik semata-mata,” ucap Dr. Arba’ie bin Sujud, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu FBMK, UPM.

Menurutnya lagi, seperti yang ditegaskan oleh Tunku Abdul Rahman yang menjelaskan bahawa Bahasa Melayu sebagai satu negara yang membangun, kita

memerlukan satu bahasa kepunyaan sendiri. Jika bahasa kebangsaan tidak diadakan, negara kita akan ketiadaan nyawa.

Inilah antara inti pati penting kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pengajian Tinggi Bahasa Melayu dengan tema ‘Bahasa Melayu Wahana Ilmu dan Pemikiran’ di Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia baru-baru ini.

Seminar anjuran mahasiswa Master Bahasa Melayu Pendidikan Jarak Jauh, Pusat Pendidikan Luar dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi berjaya mencetuskan persoalan yang mengukur kedewasaan rakyat negara ini.

Ternyata, seminar ini memberikan kebenaran dan hakikat mengenai Bahasa Melayu yang dikatakan dipinggirkan oleh para cendekiawan Melayu dan wajarkan

guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu mendapat eluan tambahan seperti pengajar subjek sains dan matematik dalam English sebagai usaha mengangkat maruah Bahasa Melayu.

Seramai 25 para pembentang kertas kerja yang turut terlibat dalam jawatan pelaksana seminar buat julung kalinya dianjurkan oleh mahasiswa Master Bahasa Melayu PJJ UPM kali ini.

Menurut Zamsuri Mat Sehap seminar ini memberikan nilai akademik, mengasah pengalaman dan nilai nostalgik kerana kesemua mahasiswa PJJ Bahasa Melayu dari seluruh semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat berkumpul buat pertama kalinya serta bertungkus lumus menganjurkan seminar seperti yang diarahkan oleh Dr. Arba’ie bin Sujud.

Sementara itu, Azean Idruwani Idrus

Bahasa Melayu ‘Wajah Kita, Cermin Kita’

berkata, tanggungjawab untuk mengumpulkan semua kertas kerja dan diproses untuk dicetak dalam bentuk buku memang menguji kesabaran dan kemahiran diri dalam menguruskan masa untuk keluarga, pelajaran dan kerja.

Lebih membanggakan seminar ini berjaya menyatukan guru-guru, pegawai tadbir, pembaca berita RTM, wartawan, editor dan pensyarah untuk sepakat dan sepenuh hati belajar secara PJJ yang hanya diketahui cabarannya yang tidak semudah dikata dan diduga.

Sebuah buku prosiding seminar yang siap diterbitkan dengan memuatkan 26 kertas kerja pelbagai tajuk yang boleh dijadikan sumber rujukan boleh dibeli oleh sesiapa individu yang berminat boleh hubungi 017-2328976.



Dr. Arbaie Sujud (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee.



Semua pembentang kertas kerja seminar pendidikan Jarak Jauh UPM.